

# Penggunaan Serangga (*al-Hasharat*) dalam Produk Kosmetik Menurut Perspektif Masalahah

**BITARA**Volume 2, Issue 3, 2019: 001-010  
© The Author(s) 2019  
e-ISSN: 2600-9080  
<http://www.bitarajournal.com>Ainul Yaqin Bakharudin & Mohammad Zaini Yahaya<sup>1</sup>

## Abstrak

Serangga (*al-ḥasharāt*) seperti cacing, siput babi, kumbang (*cochineal*) dan cengkerik digunakan sebagai bahan penghasilan produk kosmetik. Tambahan pula, kajian saintifik membuktikan penggunaan serangga-serangga tersebut mempunyai manfaat (*masalahah*) tersendiri dalam penghasilan produk kosmetik. Persoalannya, adakah memanfaatkan khasiat *al-ḥasharāt* dalam kosmetik bersesuaian dengan konsep *masalahah* yang berteraskan aspek *daruriyyah*, *hajiyyah* dan *tahsiniyyah*? Justeru, objektif artikel ini bertujuan mengenal pasti konsep *masalahah* yang bersesuaian serta menganalisis aplikasinya terhadap penggunaan haiwan *al-ḥasharāt* dalam penghasilan produk kosmetik. Metodologi kajian ini berbentuk kualitatif melalui pendekatan analisis kandungan daripada sumber fiqh dan sains. Hasil kajian mendapati bahawa penggunaan haiwan *al-ḥasharāt* dalam kosmetik bagi tujuan kecantikan merupakan *masalahah tahsiniyyah* dan boleh meningkat ke tahap *masalahah hajiyyah* sekiranya penggunaannya bagi tujuan rawatan.

## Kata Kunci

Penggunaan, serangga, kosmetik, *masalahah tahsiniyyah*, *masalahah hajiyyah*

## Cite This Article:

Ainul Yaqin Bakharudin & Mohammad Zaini Yahaya. 2019. Penggunaan serangga (*al-hasharat*) dalam produk kosmetik menurut perspektif *masalahah*. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 2(3): 001-010.

## Pengenalan

Serangga menurut istilah *fiqh* dikenali sebagai *al-ḥasharāt*. Spesies serangga merupakan haiwan yang tidak dinyatakan hukumnya secara *sarih* (spesifik) dalam nas syarak. Oleh itu, fuqaha mazhab berijtihad terhadap penentuan hukum serangga. Sebahagian fuqaha mazhab Hanafi, Shafi'i dan Hanbali berpandangan haram memakan serangga atas alasan citarasa jijik bangsa Arab (*istikhbath al-ʿArab*). Citarasa jijik bangsa Arab (*istikhbath al-ʿArab*) pada zaman Nabi SAW khususnya penduduk Hijaz dan suku Quraisy diambilkira sebagai pandangan yang berautoriti dalam prinsip penentuan hukum haiwan serangga yang tidak dijelaskan hukumnya di dalam al-Quran, hadis dan *ijmā'* (al-Kasani 1996; al-Nawawi 1966; Ibn al-Qudamah 1996). Seterusnya, *ʿurf* masyarakat majmuk setempat turut menganggap jijik beberapa haiwan *al-*

<sup>1</sup> Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia.

## Corresponding Author:

Mohammad Zaini Yahaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia.  
E-mail: [zainiyahya@ukm.edu.my](mailto:zainiyahya@ukm.edu.my)

*hasharāt* seperti cacing dan siput babi (Zulkifli 2017). Tercetusnya permasalahan apabila serangga yang dianggap jijik tersebut digunakan sebagai bahan penghasil produk kosmetik. Walaubagaimanapun, kajian saintifik telah membuktikan bahawa serangga seperti siput babi, cacing, cengkerik dan kumbang (*cochineal*) mempunyai manfaat tersendiri sebagai bahan penghasil kosmetik (Panha et.al t.th; Hamze & Ahmad 2103; Nurhazirah Azmi et al. 2014; Yusdira 2016). Justeru manfaat tersebut, keperluan mempertimbangkan manfaat penggunaan serangga dalam kosmetik untuk dianalisis sama ada penggunaannya bersesuaian dengan konsep *masalahah* mahupun sebaliknya. Hal ini kerana *masalahah* boleh diambilkira sebagai hujah dalam penentuan sesuatu hukum.

Sehubungan dengan itu, artikel ini akan menghuraikan konsep *maṣlahah* serta pembahagian *maṣlahah*. Huraian lanjut diikuti dengan perbincangan aplikasi *maṣlahah* terhadap khasiat penggunaan haiwan *al-ḥasharāt* dalam penghasilan produk kosmetik. Kajian ini sangat penting untuk menentukan sama ada penggunaan *al-ḥasharāt* dalam produk kosmetik bersesuaian dengan tahap *maṣlahah tahsiniyyah*, *hajiyyah* mahupun *daruriyyah*. Hal ini selaras dengan matlamat segala jenis kepenggunaan barangan termasuk produk kosmetik adalah untuk mencapai kebaikan *maṣlahah* dan menolak *mafsadah* yang merupakan intipati yang diperolehi daripada *maqasid al-shari'ah*.

## Konsep *al-Maslahah*

*Maslahah* merupakan perkataan bahasa Arab daripada kata dasar *salaha*. *Maslahah* adalah kata *mufrad* (tunggal) bagi *masalih*. Definisi *maṣlahah* pada sudut bahasa ialah manfaat dan hilangnya kerosakan (Ibn Manzur t.th.; Ibrahim t.th). Pada aspek terminologi, para Sarjana Islam memberi pelbagai takrifan *maṣlahah*, antaranya:

Imam al-Shatibi (2001) mendefinisikan *al-maslahah* dalam kitab *al-Muwafaqat Fi Usul al-Shari'ah*:

وأعني بالمصالح ما يرجع إلى قيام حياة الإنسان وتمام عيشه ونيله ما تقتضيه أوصافه الشهوانية والعقلانية على الإطلاق, حتى يكون منعما على الإطلاق.

Maksudnya: Yang aku maksudnya dengan *maṣlahah* ialah sesuatu yang merujuk kepada membangunkan kehidupan insan, kesempurnaan kehidupannya dan mencapai sesuatu yang diperlukan oleh sifat-sifat syahwat dan akal secara mutlak, sehingga menjadikan mereka betul-betul menikmati.

Sementara, definisi *maṣlahah* menurut al-Ghazalī (t.th) dalam kitab *al-Mustafa min 'Ilm al-Usul* adalah:

جلب منفعة أو دفع مضرة

Maksudnya: Menghasilkan manfaat dan menolak kemudaratan.

al-Ghazali (t.th) menjelaskan bahawa definisi *maslahah* tidak sekadar mencapai objektif manusia semata-mata, namun ia merujuk kepada mencapai manfaat dan menolak kemudaratan dengan cara memelihara lima objektif syariah yang merangkumi aspek agama, jiwa, akal, keturunan dan harta.

Pelbagai definisi *maslahah* menurut sarjana Islam, namun semuanya masih pada konteks yang sama iaitu mengambil manfaat dan menolak kerosakan. *Maslahah* yang dimaksudkan dalam konteks *maqasid al-shari'ah* merujuk kepada memelihara tujuan syarak yang melibatkan lima aspek iaitu agama, jiwa, akal, keturunan dan harta. Oleh itu, prinsip *maslahah* perlu selari dengan tujuan syarak walaupun bertentangan dengan kehendak manusia yang banyak dipengaruhi hawa nafsu. Sementara *maslahah* yang bercampur aduk dengan *mafsadah* tidak diperakui oleh syarak (Azri Bhari 2016; Siti Khatijah 2017).

## Pembahagian *Maslahah*

*Maslahah* ada yang diterima syarak dan ada yang tidak boleh diterima syarak. Malahan terdapat tahap *maslahah* yang perlu diutamakan. Maka, tidak boleh sewenang-wenangnya menjadikan semua *maslahah* sebagai hujah untuk membenarkan sesuatu perkara. Oleh itu, ulama usul fiqh membahagikan *maslahah* kepada dua aspek iaitu *maslahah* pada aspek penerimaan syarak dan *maslahah* pada aspek keutamaan dan kekuatan:

- a. Pembahagian *maslahah* pada aspek penerimaan syarak terbahagi kepada tiga kategori iaitu:
  - i. *al-Maslahah al-Mutabarrah* iaitu *maslahah* yang diperakui oleh syarak selain dijadikan asas *qiyas* untuk menyamakan *illah* terhadap nas yang sedia ada.
  - ii. *al-Maslahah al-Mulghah* iaitu *maslahah* yang ditolak dan dihapuskan oleh syarak walaupun andaian akal manusia memberi manfaat.
  - iii. *al-Maslahah al-Mursalah* iaitu *maslahah* yang tidak diiktiraf oleh syarak mahupun tidak terdapat dalil yang membatalkannya secara khusus (al-Zuhayli 1986).
- b. Pembahagian *maslahah* pada aspek keutamaan dan kekuatan terbahagi kepada tiga kategori iaitu:
  - i. *Daruriyyah* ialah perkara asas yang sangat penting untuk menegakkan agama bagi meneruskan kehidupan. Berlaku kepincangan hidup manusia sekiranya aspek *daruriyyah* diabaikan. Ketiadaan *daruriyyah* akan menyebabkan kebinasaan, hilangnya kenikmatan dan kejayaan dalam kehidupan serta dikategorikan sebagai seorang yang jelas dalam kerugian. Susunan lima aspek asas *maslahah daruriyyah* menurut keutamaan ialah memelihara agama, memelihara jiwa, memelihara akal, memelihara keturunan dan memelihara harta.
  - ii. *Hajiyyah* ialah perkara yang diperlukan oleh manusia bagi mencapai kemudahan urusan manusia. Ia memberi kelapangan dalam melaksanakan sesuatu *taklif*. Perkara *hajiyyah* dapat menghilangkan kesulitan yang membawa kepada

kesempitan hidup. Tanpa memenuhi keperluan ini, kehidupan akan menjadi sukar, susah dan tidak selesa. *Maslahah* tahap ini melibatkan kemudahan (*rukhsah*) dalam bidang ibadat, muamalat, adat dan jenayah.

- iii. *Tahsiniyyah* atau juga dikenali dengan istilah *kamaliyyah* bermaksud pelengkap untuk menjadikan kehidupan manusia lebih sempurna. Kehidupan yang sempurna melibatkan aspek kebersihan, pakaian, kecantikan, berhias, menjaga etika, melakukan amalan-amalan sunat, menjaga adab dalam bergaul, budi pekerti yang baik dan menjauhi perkara-perkara yang dianggap tidak baik oleh akal yang sempurna. Ketiadaan aspek *taḥṣīniyyah* ini tidak membawa kepada kepincangan sistem kehidupan manusia mahupun mendatangkan kesusahan seperti *darūriyyah* dan *ḥājīyyah* (al-Shatibi 2001).

## Rawatan Kosmetik Berdasarkan Tahap Keutamaan *Maslahah*

Pembahagian *maslahah* mengikut keutamaan merupakan kerangka *maqasid syari'ah* yang relevan untuk diaplikasikan dalam konteks semasa yang melibatkan penggunaan barangan dan perkhidmatan oleh kalangan umat Islam (Halim & Azzah 2013). Oleh itu, sebelum menganalisis aplikasi *maslahah* penggunaan serangga dalam kosmetik, kriteria-kriteria rawatan kosmetik yang dikategorikan sebagai *maslahah daruriyyah*, *hajiyyah* dan *tahsiniyyah* perlu dikenalpasti seperti perbincangan tersebut:

### a. Rawatan kosmetik pada tahap *maslahah daruriyyah*

Rawatan kosmetik pada aspek *daruriyyah* bertujuan menyelamatkan nyawa dan mengatasi kesulitan yang menghalang menjalani kehidupan normal. *Maslahah* yang bersifat *daruriyyah* tersebut mesti dicapai, sehinggakan sesuatu yang haram boleh bertukar menjadi halal demi mencapainya tujuannya. Sebagai contoh, rawatan pembedahan kosmetik (*reconstruction*) yang mengubah ciptaan Allah bagi situasi *daruriyyah* ialah pembedahan kosmetik kulit terbakar yang boleh menyebabkan kuman, pembedahan tengkorak dan rawatan muka yang hancur akibat kemalangan dan kebakaran (Mohammad Naqib Hamdan et.al 2016). Oleh itu, rawatan tersebut diklasifikasikan sebagai *maslahah daruriyyah*.

### b. Rawatan kosmetik pada tahap *maslahah hajiyyah*

Rawatan kosmetik bagi *hajiyyah* bertujuan menghilangkan aib akibat kecacatan mahupun kemalangan dan mengembalikan fungsi kepada normal. Rawatan kategori *maslahah hajiyyah* diharuskan walaupun terdapat bahan yang dilarang (Mohammad Naqib Hamdan et.al 2016). Sebagai contoh, pembedahan plastik (*plastic & reconstruction*) daripada bahan najis darah *Platelet Rich Plasma* (PRP). Penggunaan bahan najis dalam rawatan pembedahan kosmetik (*reconstruction*) dibenarkan bagi situasi *hajiyyah* seperti merawat kecacatan yang menyebabkan rasa sakit pada tubuh pesakit dengan syarat tiada bahan suci lain serta mendapat jaminan kesembuhan daripada nasihat pakar yang berautoriti. Hal tersebut kerana keperluan

menghapuskan kesukaran yang dihadapi oleh individu sehingga menyebabkan kekacauan emosi dan jiwa dan bukan semata-mata tujuan kecantikan (Hidayah et al.2016).

c. Rawatan kosmetik pada tahap *masalahah tahsiniyyah*

Aspek *tahsiniyyah* bagi kecantikan adalah menampakkan kesempurnaan anggota zahir terutamanya pada wajah. Harus merawat wajah untuk menghilangkan bintik-bintik hitam, panau, jeragat dan jerawat sekiranya lebih cantik jika dihilangkan. Tambahan pula, kaum wanita diharuskan untuk bersolek agar tampil cantik di hadapan suaminya. Namun, kosmetik yang digunakan mestilah daripada sumber yang diyakini halal, sekiranya daripada bahan yang jelas pengharaman secara *qat'i* serta memudaratkan, maka haram penggunaannya hanya semata-mata untuk kecantikan (Dahlan Salleh 2002).

Selain itu, terdapat rawatan kecantikan yang boleh mengubah bentuk wajah dengan menggunakan kaedah suntikan kosmetik (*botox*), suntikan vitamin C, suntikan lekuk di wajah (*filler*) dan suntikan kolagen. Suntikan-suntikan tersebut menunjukkan kesan yang pantas untuk menampakkan kulit muda dalam sekelip mata dan kekal dalam beberapa bulan. Kebiasaannya, suntikan tersebut menjadi pilihan wanita untuk tujuan kecantikan. Hal tersebut dilarang kerana mengubah ciptaan Allah walaupun daripada bahan yang suci. Rawatan kosmetik yang boleh mengubah ciptaanNya hanya diterima pada situasi *daruriyah* dan *hajiyyah* bukan semata-mata *tahsiniyyah* (Norliah t.th.).

## **Aplikasi *al-Maslahah* terhadap Penggunaan *al-Hasharat* dalam Produk Kosmetik**

Secara umumnya, serangga kecil (*al-ḥasharāt*) yang melata di bumi adalah kelompok haiwan yang terbanyak di seluruh pelusuk dunia. Serangga mempunyai kepentingan dalam kehidupan manusia (Anon 2017). Tambahan pula, terdapat serangga yang berpotensi sebagai sumber alternatif protein dan diakui oleh pakar yang berautoriti (Syed Fazalur Rahim 2018). Lebih-lebih lagi, produk berasaskan bahan serangga mendapat tempat di pasaran dunia berdasarkan laporan pengkormesilan dunia mencatatkan hampir mencecah AS \$100 juta produk setiap tahun (Eraldo et. al 2010). Hal ini kerana khasiat yang terkandung dalam beberapa haiwan *al-ḥasharāt* boleh dimanfaatkan untuk penggunaan produk kosmetik. Tambahan pula, para penyelidik sains telah menjalankan kajian mengenalpasti khasiat beberapa haiwan *al-ḥasharāt* seperti cacing, cengkerik, kumbang (*cochineal*) dan siput babi untuk dijadikan bahan penghasilan kosmetik. Oleh itu, penggunaan manfaat cacing, cengkerik, kumbang (*cochineal*) dan siput babi sebagai bahan kosmetik akan dikenalpasti berdasarkan pembuktian hasil kajian saintifik. Seterusnya, manfaat serangga tersebut akan dianalisis berdasarkan peringkat keutamaan *masalahah* sama ada mencapai tahap *tahsiniyyah*, *hajiyyah*, mahupun *daruriyyah* seperti perbincangan berikut:

- a. Cacing mengandungi bahan mentah yang terbaik iaitu kandungan mineral dan tinggi protein. Khasiat cacing berpotensi untuk penggantian sel kulit tubuh yang rosak, menghaluskan kulit selain digunakan pelembab kulit wajah dan gincu (Mohd Mahyeddin

- et. al 2013). Selain itu, sekumpulan pengkaji daripada Universiti Putra Malaysia (UPM) telah melaksanakan kajian makmal terhadap ekstrak cacing jenis *eisenia fetida*, *lumbricus rubellus* and *eudrilus eugeniae* yang menunjukkan potensi ekstrak cacing dalam proses anti penuaan kulit (Nurhazirah Azmi et al. 2014). Selain itu, khasiat ekstrak cacing mempunyai sifat penyembuhan kulit luka akibat terbakar (Kangmin Li et al. 2010).
- b. Kumbang (*cochineal*) adalah sejenis serangga yang boleh menghasilkan warna merah semulajadi. Pewarna ekstrak *cochineal* (*carmine*) digunakan dalam bidang kosmetik sebagai bahan warna merah semulajadi untuk gincu bibir, pemerah pipi dan pembayang mata (Hamze & Ahmad 2013).
  - c. Lendir bahagian atas siput babi (*mantel*) adalah bahan semulajadi yang digunakan dalam produk kosmetik untuk kecantikan kulit wajah serta berpotensi memperbaiki tulang dan gigi. Antara produk penjagaan kulit (*skincare*) daripada lendir siput babi daripada penjenamaan ‘*Snail 8 by Siam Snail*’ iaitu ‘*intensive whitening advanced serum*’, ‘*Snail 8 intensive whitening face mask*’, ‘*Snail 8 UV protection sunscreen*’, ‘*Snail 8 UV Age defense face mask*’ dan ‘*Snail 8 by Siam Snail*’. Produk-produk kosmetik tersebut yang diperbuat daripada ekstrak lendir siput babi mempunyai banyak khasiat seperti mengurangkan kedutan pada kulit, menggalakkan pertumbuhan semula kulit, mencerahkan kulit, melembutkan dan melembapkan kulit yang kering, meningkatkan keanjalan kulit, mengurangkan liang pori, menghalang proses penuaan, penyembuhan luka, menghilangkan kesan parut jerawat dan melindungi sel-sel kulit. Lendir diperkayakan dengan antioksidan untuk kulit kelihatan lebih muda dan mengurangkan keradangan kulit (Panha et.al t.th.). Selain itu, lendir siput babi “*mantel*” daripada jenis *cryptomphalus aspersa* (SCA) bermanfaat untuk penyembuhan luka pada kulit dan merawat kerosakan kulit yang teruk selain berpotensi untuk memperbaiki dan merangsang pertumbuhan semula kulit terbakar (J.Espada et al. 2015).
  - d. Cengkerik dijadikan bahan dasar kosmetik kerana mempunyai nilai zat yang mengandungi nutrisi, terutama kandungan asam amino yang cukup lengkap untuk dimanfaatkan pada kulit bagi mencegah penuaan (Yusdira 2016). Selain itu, komposisi cengkerik mampu mencegah keguguran rambut, menjaga rambut serta memperbaiki pertumbuhan semula rambut. Rawatan pertumbuhan rambut melalui pemakanan daripada ekstrak cengkerik yang diformulasikan sebagai serbuk, produk syampu rambut, tonik rambut, pewarna rambut, losyen rambut, gel rambut dan penyembur rambut (Evans et al. 2017).

Analisis khasiat serangga siput babi, cacing, cengkerik dan kumbang (*cochineal*) mempunyai potensi untuk penghasilan produk kosmetik penjagaan kulit “*skincare*” dan produk kosmetik warna “*make up*”. Produk kosmetik “*skincare*” seperti produk krim wajah, pelembab, serum dan masker berasaskan ekstrak cacing mahupun lendir siput babi untuk keremajaan kulit kerana khasiatnya berpotensi mengurangkan kedutan. Selain itu, produk “*skincare*” tersebut untuk menutup cela pada wajah serta melindungi kulit daripada sinaran ultraungu (*ultraviolet*) yang menyebabkan masalah kulit (Puziah 2011). Tujuan lain penggunaan produk kosmetik wajah untuk tampak lebih berseri dan tampil rapi agar disenangi ketika berinteraksi kepada sesiapa sahaja. Oleh itu, penggunaan ekstrak cacing dan lendir siput babi dalam produk kosmetik jelas atas dasar manfaat yang diklasifikasikan sebagai *maṣlahah tahsiniyyah*.

Selain itu, kumbang (*cochineal*) menghasilkan pewarna merah semulajadi untuk dijadikan kosmetik warna “*make up*” seperti gincu dan pemerah pipi. Pada aspek *masalahah*, penggunaan gincu untuk melindungi kulit daripada sinaran ultraungu (*ultraviolet light*) dan angin yang menyebabkan masalah pada bibir seperti menggelupas, melecet, luka, pecah dan kekeringan (Puziah & Nur Raihan 2014). Selain itu, penggunaan kosmetik gincu bertujuan menyerlahkan sifat kewanitaan. Namun, penggunaan gincu mestilah pada kadar yang sederhana dan tidak keterlaluan sehingga boleh menarik perhatian ramai. Sementara produk kosmetik pemerah pipi digunakan agar wajah tidak kelihatan pucat serta menzahirkan impresi lebih sihat dan lebih berkeyakinan. Namun, penggunaan kosmetik warna “*make up*” pada kadar yang tidak melampaui batas agar terhindar daripada fitnah mahupun menarik minat ajnabi. Oleh itu, manfaat penggunaan kosmetik warna bagi melengkapkan penampilan zahir yang bersesuaian dengan *masalahah tahsiniyyah*.

Sehubungan itu, penggunaan produk kosmetik “*skincare*” dan produk kosmetik warna “*make up*” tersebut bagi tujuan kecantikan. Lumrah manusia untuk tampil cantik dan menawan terutamanya golongan wanita. Tambahan pula, Islam tidak menyekat fitrah wanita yang suka kepada kecantikan. Namun, keinginan menzahirkan kecantikan mestilah berpandukan syarat-syarat yang ditetapkan agar penggunaannya menepati syariah. Oleh itu, kajian Nurul Nashirah et al. (2016) menetapkan garis panduan kecantikan menurut perspektif Islam yang perlu dipatuhi seperti berikut:

- i. Penggunaan produk kosmetik bersifat sementara seperti gincu, krim dan celak.
- ii. Produk kosmetik daripada bahan yang tidak memudaratkan.
- iii. Tiada unsur solekan yang mengubah bentuk asal kejadian.
- iv. Tidak menggunakan kosmetik bagi tujuan kebanggaan mahupun penipuan.
- v. Tidak menggunakan kosmetik bagi tujuan menyamai jantina lelaki mahupun perempuan.
- vi. Tidak bersolek menyerupai orang kafir mahupun fasik.
- vii. Tidak berlebih-lebihan dalam menggunakan alat kosmetik warna “*make-up*”.

Seterusnya, pengecualian konteks *masalahah tahsiniyyah* penggunaan produk kosmetik berasaskan ekstrak cacing dan lendir siput babi sekiranya penggunaannya bertujuan menghilangkan aib pada diri yang boleh menyebabkan kesulitan serta kekacauan emosi. Hal ini kerana khasiat produk kosmetik tersebut mampu merawat luka kulit yang teruk mahupun memperbaiki kecacatan tubuh yang terbakar. Bahkan, merawat merupakan satu keperluan bagi individu yang mengalami kesakitan. Penggunaan produk kosmetik tersebut untuk mengembalikan kepada bentuk asal kejadian normal. Hal ini kerana kecacatan akan dipandang aib, maka situasi tersebut perlu dipelihara sekiranya tidak dihilangkan, maka bertentangan dengan tujuan syarak untuk memelihara diri daripada pelbagai penyakit. Oleh itu, penggunaan produk kosmetik berasaskan siput babi dan ekstrak cacing boleh mencapai tahap *masalahah hajiyyah*. Mencari penawar serta gesaan menjaga kesihatan diri merupakan satu tuntutan dalam Islam untuk memelihara nikmat yang dikurniakanNya.

Selain itu, khasiat ekstrak cengkerik mampu merawat keguguran rambut serta mengalakkan pertumbuhan rambut. Pada aspek *masalahah*, pertumbuhan rambut sangat penting yang bertujuan melindungi kulit kepala daripada pelbagai kesan fizikal seperti sinar *ultraviolet*, sejuk dan panas. Selain itu, penggunaan produk kosmetik tersebut adalah untuk

meningkatkan keyakinan diri serta penampilan imej yang sempurna bagi kaum lelaki. Namun, sekiranya wanita yang berimej botak akan menyebabkan aib dan kelihatan janggal walaupun pada zahirnya bertudung. Oleh itu, manfaat ekstrak cengkerik tersebut bersesuaian dengan *masalah hajiyyah* kerana khasiatnya mampu merawat rambut. Hal tersebut merupakan usaha memelihara nikmat anugerah ciptaanNya sebagai tanda syukur. Oleh itu, terdapat garis panduan rawatan kosmetik pada peringkat *hajiyyah* yang perlu dipatuhi agar tidak tersasar daripada tujuan sebenar. Garis panduan yang perlu dipatuhi seperti berikut:

- i. Tujuan perubatan untuk menghilangkan aib dan kecacatan
- ii. Tujuan kembalikan kepada asal penciptaan yang sempurna.
- iii. Tidak berlebihan dalam memperbaiki kecacatan hanya pada kadarnya (Nurul Nashirah et al. 2016).

Sehubungan itu, penggunaan produk kosmetik daripada bahan serangga bagi tujuan kecantikan mahupun rawatan kosmetik mesti selari dengan garis panduan yang telah ditetapkan. Hal ini kerana matlamat segala jenis penggunaan produk untuk mencapai objektif pensyiaran yang meraikan kemaslahatan manusia sejagat dan menghindarkan kemudaratannya.

## Kesimpulan

*Maṣlahah* dapat diaplikasikan dalam menangani isu-isu fiqh kontemporari yang tiada dalam nas syarak seperti penggunaan serangga (*al-ḥasharāt*) sebagai bahan kosmetik. *Maslahah tahsiniyyah* dalam kecantikan ialah menampakkan kesempurnaan pada wajah dan kelengkapan pada penampilan zahir. Sementara *masalah hajiyyah* merupakan keperluan merawat kulit luka yang boleh menyebabkan aib dan kecacatan pada wajah mahupun tubuh. Namun, analisis penggunaan produk kosmetik daripada serangga belum sampai ke peringkat *daruriyah*. Aplikasi konsep *maṣlahah tahsiniyyah* dan *maṣlahah hajiyyah* tersebut mengikut situasi berbeza berdasarkan khasiat tersendiri serangga cacing, siput babi, cengkerik dan kumbang (*cochineal*) sebagai bahan kosmetik. Hasilnya, pengkaji dapat mempertimbang *masalah tahsiniyyah* dan *masalah hajiyyah* dalam aplikasi penggunaan haiwan *al-ḥasharāt* dalam kosmetik bagi tujuan kecantikan mahupun rawatan. Dalihan *maṣlahah* tersebut diaplikasikan dalam penggunaan *al-ḥasharāt* dalam kosmetik kerana Islam mementingkan kesihatan serta manfaat agar mencapai *maqasid shari'ah*. Bahkan, Islam mengalakkan memindahkan diri selagi tidak melampaui batas. Secara tuntasnya, *maṣlahah* berdasarkan aspek keutamaan relevan untuk diaplikasikan terhadap isu penggunaan haiwan *al-ḥasharāt* dalam penghasilan kosmetik.

## Rujukan

- Abdul Halim & Nor Azzah. 2013. Maqasid Syariah: Isu-isu kepenggunaan, realiti dan cabaran. *Seminar Kebangsaan Maqasid Syariah*, hlm.10-11
- Anon. 2017. Serangga. <https://ms.wikipedia.org/wiki/Serangga> [20 Januari 2018]



- Azri Bhari. 2016. Analisis fatwa zakat di Malaysia dari perspektif maqasid syariah. Tesis Sarjana Universiti Malaya.
- Dahlan Salleh. 2002. *Pembedahan Kosmetik Menurut Perspektif Islam*. Bangi: Darul Syakir Enterprise.
- Eraldo Medeiros, Costa-Neto & Paulo César Motta. 2010. Animal species traded as ethnomedicinal resources in the federal district, Central West Region of Brazil. *The Open Complementary Medicine Journal*. 2:24–30 doi:10.2174/1876391X01002020024.
- Espada J., M. Matabuena, N.Salazar, S.Lucena, O. Kourani, Carrasco E, Calvo M, Rodríguez, C, E Reyes, S González & A Juarranz. 2015. Cryptomphalus aspersa mollusc eggs extract promotes migration and prevents cutaneous ageing in keratinocytes and dermal fibroblasts in vitro. *International Journal of Cosmetic Science*. 37(1):41–55 doi:10.1111/ics.12167.
- Evans, T.C., Gavrilovich, E., Mihai, R.C., Isbasescu, I., Thelen, D.E.L., Martin, J.A., Allen, S.M. & Slane, S.A. 2015. Edible cricket composition for preventing hair loss, improving hair follicle, and promoting hair regrowth. *United States Patent Application Publication*. 2(15):354 doi:10.1037/t24245-000
- al-Ghazalī, Abī Hamid bin Muḥammad. t.th. *al-Mustasfa Min 'Ilm al-Usul*. Bayrut: Dar a-Fikr.
- Ibn Manzur. t.th. *Lisan al- 'Arab*. Juz 8. Bayrut: Dar al-Sadir.
- Ibn al-Qudamah, 'Abd Allah ibn Ahmad. 1996. *al-Mughni wa al-Sharah Kabir*. Jil 13. al-Qahirah: Dar al-Hadith.
- Ibrahim. t.th. *al-Mu'jam al-Wasit*. Jeddah: Maktabat kunuz al-Makrifah.
- Kangmin Li, Peizhen Li & Hongtao Li. 2010. Earthworms helping economy, improving ecology and protecting health. *International Jurnal Environment Issue*. 10: 354-365.
- al-Kasani, 'Ala al-Din Abu Bakr ibn Mas'ud. 1996. *Bada'i' al-Sana'i' fi Tartib al-Shar a'i'*. Jil. 5. Lubnan. Bayrūt: Dār al-Fikr.
- Mohd. Mahyeddin Salleh, Mustafa Afifi Abd Halim & Mohd Nazmi, 2013. An Islamic view on the utilization of leeches and worms for pharmaceutical and cosmetic purposes. *Middle-East Journal of Scientific Research* 16: 17-21.
- Mohammad Naqib Hamdan, Mohd Anuar Ramli & Wan Nur Deeni Wan Ali. 2016. Pembedahan plastik dan rekonstruksi yang melibatkan pengubahan ciptaan Allah SWT: Analisis berdasarkan parameter maqasid al-shari'ah. Dlm. Sa'adan Man, Mohd Saiful Anwar Mohd Nawawi, Raihana Abdul Wahab, & Nurul Huda Ahmad Zaki (pnyt.). *Maqasid al-Shariah, Aplikasi dalam Aspek Sains & Teknologi*. Kuala Lumpur: Jabatan Fiqh dan Usul Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- al-Nawawi, Abī Zakariyā Yaḥya Ibn Sharaf al-Nawawi. 1966. *al-Majmū' Sharḥ al-Muhadhdhab*. Jil. 9. Lubnan: Bayrut: Dar al- Fikr.
- Norliah Sajuri. t.th. Suntikan kosmetik *botox* menurut perspektif Islam. *Jurnal Penyelidikan Islam*. 19: 153-66.
- Nurhazirah Azmi, Puziah Hashim, Dzulkifly M Hashim, Normala Halimoon & Nik Muhamad Nik Majid. 2014. Anti-elastase, anti-tyrosinase and matrix metalloproteinase-1 inhibitory activity of earthworm extracts as potential new anti-aging agent. *Asian Pacific Journal of Tropical Biomedicine*. 4(1): 348-452 doi:10.12980/APJTB.4.2014C1166.
- Nurhidayah Muhamad Sharifuddin, Mohd Anuar Ramli. Tengku Fatimah Azzahra & Nur Diyana Azizi. 2016. Penggunaan rawatan moden berasaskan darah mengikut prinsip maqasid. Dlm. Sa'adan Man, Mohd Saiful Anwar Mohd Nawawi, Raihana Abdul Wahab, & Nurul Huda Ahmad Zaki (pnyt.). *Maqasid al-Shariah, Aplikasi dalam Aspek Sains & Teknologi*, Kuala Lumpur: Jabatan Fiqh dan Usul Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Nurul Nashirah, Izhar Ariff & Norkhairatul Hafizah. 2016. Garis Panduan Solekan Menurut Perspektif Islam. *Seminar Fatwa Antarabangsa*, hlm.44-54

- Panha, Somsak, Hannongbua, Supot, Neammanee, Kritsana & Tassanakjon, Anchalee. t.th. Science-based technology for developing of cosmetic products to commercialization Unveiled the cosmetic innovation “ SNAIL 8 .” <https://docplayer.net/52625197-Science-based-technology-for-developing-of-cosmetic-products-to-commercialization-unveiled-the-cosmetic-innovation-snail8.html> [ 1 September 2017 ]
- Puziah Hashim. 2011. Produk Kosmetik Halal. Dlm. *Halal Haram dalam Kepenggunaan Islam Semasa*, hlm. 183. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Puziah Hashim & Nur Raihan. 2014. Gincu: Bahan, formulasi dan persoalan halal. Dlm. Russly Abd Rahman, Nurdeng Deuraseh & Mohammad Aizat Jamaludin (pnyt.). *Isu Halal Kontemporari*. Serdang: Universiti Putra Malaysia
- al-Shatibi, Abi Ishaq. 2001. *al-Muwafaqat fi Usul al-Shari'ah*. Jild 1. Lubnan: Dar al-Kitab al 'Ilmiah.
- Siti Khatijah Ismail. 2017. Penentuan Standard *Maslahah* dan *Mafsadah*. Tesis PHD Universiti Malaya.
- Syed Fazalur Rahim. 2018. Islamic jurisprudence and the status of arthropods: As alternative source of protein and with regard to E120. *MOJ Food Processing & Technology*. 6(4): 330–40 doi:10.15406/mojfpt.2018.06.00184.
- Yusdira Ade. 2016. *Budi Daya Jangkrik*. Jakarta: Agro Media pustaka.
- al-Zuhayli, Wahbah. 1986. *Usul al-Fiqh al-Islami*. Jil. 2. Lubnan: Dar al-Fikr.
- Zulkifli al-Bakri. 2017. Fatwa penggunaan siput babi dalam kosmetik. <http://muftiwp.gov.my/ms/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum/910-irsyad-al-fatwa-siri-ke-188-hukum-penggunaan-siput-babi-dalam-penghasilan-produk-kosmetik>[5ogos 2017]